

Soalan Soalan Lazim (FAQ)

1. Apakah objektif Program Celik Madani – Celik Kewangan, Belia Madani?

Objektif program Celik Madani - Celik Kewangan, Belia Madani ialah untuk memberi pendedahan kepada pelajar IPT tentang pelaburan, risiko berkaitan pelaburan dan cadangan pelaburan yang sesuai kepada para pelajar. ASNB juga memberikan RM50 unit amanah percuma kepada pelajar **Semester 1** sebagai pelaburan permulaan/tambahan untuk menggalakkan pelajar memulakan pelaburan dari usia muda.

2. Siapakah yang layak menyertai program Celik Madani?

Program ini hanya terbuka kepada pelajar IPT semester 1 yang berumur 18 tahun ke atas dan;

- i. Belum mempunyai mana-mana akaun unit amanah ASNB dan juga belum mendaftar di aplikasi myASNB.
- ii. Sudah mempunyai mana-mana akaun unit amanah ASNB tetapi belum mendaftar di aplikasi myASNB.
- iii. Sudah mempunyai mana-mana akaun unit amanah ASNB dan juga sudah mendaftar di aplikasi myASNB.

3. Bagaimanakah cara untuk saya menebus RM50 unit amanah percuma?

Anda perlu memasukkan kod rujukan semasa proses pendaftaran akaun di aplikasi myASNB. Cara mendaftar dan kod rujukan boleh didapati di Lampiran II.

4. Apakah jenis akaun unit amanah yang layak untuk menebus RM50 unit amanah percuma?

Sekiranya anda merupakan individu Bumiputera warganegara Malaysia, anda layak untuk mendapat unit amanah percuma melalui akaun Amanah Saham Bumiputera (ASB) manakala jika anda merupakan individu bukan Bumiputera warganegara Malaysia, anda layak untuk mendapat unit amanah percuma melalui akaun Amanah Saham Malaysia (ASM).

5. Bagaimana sekiranya saya sudah mempunyai mana-mana akaun unit amanah ASNB dan juga sudah mendaftar di aplikasi myASNB?

Anda tidak perlu mendaftar semula di aplikasi myASNB dan tidak perlu memasukkan kod rujukan. Anda hanya perlu mengisi nombor akaun ASNB di laman web portal pelajar sahaja.

6. Bagaimana sekiranya saya belum berumur 18 tahun pada tarikh pendaftaran?

Jika anda berumur di bawah 18 tahun, anda boleh membuka akaun unit amanah di cawangan ASNB atau ejen ASNB berdekatan. Anda perlu mempunyai sijil kelahiran/mykad yang sah serta mykad Penjaga Berdaftar (ibubapa/penjaga) warganegara Malaysia yang berumur 18 tahun ke atas. Pelajar dan penjaga berdaftar perlu hadir.

7. Bilakah RM50 unit amanah percuma akan dikreditkan ke dalam akaun pelajar?

Proses pengkreditan akan mengambil masa sehingga 30 hari bekerja selepas pihak ASNB menerima data pelajar dari universiti. Sekiranya anda tidak menerima RM50 unit amanah percuma dalam tempoh yang dinyatakan, sila hubungi kami melalui emel literasikewangan@pnb.com.my.

8. Berapa lamakah proses pendaftaran/pengesahan identiti bagi aplikasi myASNB?

Proses pendaftaran/pengesahan identiti akan mengambil masa sehingga 24 jam. Sekiranya proses pendaftaran anda mengambil masa yang lebih lama, sila hubungi khidmat pelanggan ASNB di talian 03 – 7730 8899 untuk bantuan lanjut.

9. Bolehkah saya membuat pelaburan atau mendaftar tabung unit amanah yang baharu dalam tempoh 30 hari pengkreditan unit amanah percuma bernilai RM50?

Boleh

10. Adakah sebarang caj perkhidmatan dikenakan bagi penggunaan myASNB mobile app?

Tiada caj perkhidmatan.